

# BAHASA MELAYU GCE 'N'

Dengan Kerjasama

Yayasan MENDAKI  
In Quest of Excellence

NATIONAL VOLUNTEERISM & PHILANTHROPY AWARDS  
HEALTH

## FORMAT PEPERIKSAAN

Peperiksaan GCE Peringkat N

Jadual Pengkhususan Bahasa Melayu

KERTAS	KOMPONEN	JENIS ITEM	JUMLAH SOALAN	MARKAH	PEMBERATAN	CATATAN
KERTAS 1 PENULISAN ESEI (2 Jam)	PENILAIAN ESEI		6	70	35%	
	BAHAGIAN A Penulisan Fungsional - Surat Formal - Surat Tidak Formal	OE	2 (jawab1)	20	10%	- Sekurang-kurangnya 80 perkataan. - Surat Formal dan Tidak Formal.
	BAHAGIAN B Penulisan Esei - Deskriptif - Ekspositori - Naratif	OE	4 (jawab1)	50	25%	- Sekurang-kurangnya 200 perkataan. - Ketiga-tiga jenis diberikan setiap tahun. - Karangan Deskriptif – berdasarkan topik yang diberikan. - Karangan Ekspositori – jenis pendedahan (perbandingan, sebab dan akibat, definis dan penerangan). - Karangan Naratif – senario diberikan atau melengkapkan cerita.
KERTAS 2 PENGUNAAN BAHASA DAN PEMAHAMAN (1½JAM)	PENGUNAAN BAHASA DAN PEMAHAMAN		35	60	30%	
	BAHAGIAN A A1 Membentuk Perkataan – Imbuan	OE	10	10	5%	- Imbuan pada kata dasar daripada bentuk akar, terbitan, ganda dan majmuk. - Perkataan yang diuji digaris. - Petikan sepanjang 100 -120 perkataan.
	A2 Peribahasa	MCQ	5	5	2.5%	
	A3 Melengkapkan Teks (Golongan Kata)	FIB	10	10	5%	- Item yang diuji mewakili keempat-empat golongan kata: Kata nama, Kata kerja, Kata adjektif dan Kata tugas. - Petikan sepanjang 100 -120 perkataan.
	BAHAGIAN B Pemahaman	MCQ	5	10	5%	- Petikan tidak melebihi 300 perkataan.
BAHAGIAN C Pemahaman	OE	5	25	12.5%	- Petikan tidak melebihi 300 perkataan - S31-S34 soalan pemahaman (taburan markah berdasarkan keapahan item). - S35 menguji kosa kata (makna perkataan frasa berdasarkan teks). Maksimum 3 item kosa kata. Setiap item 2 markah.	
KERTAS 3 LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR	LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR		12	70	35%	
	BAHAGIAN A Bacaan Lantang	OE	1	20	10%	- 1 teks. - Petikan lebih kurang 160 perkataan. - Menggunakan Sebutan Baku.
	BAHAGIAN B Perbualan (Tema berdasarkan teks dalam Bahagian A)	OE	1	30	15%	- Menggunakan Sebutan Baku.
	KEFAHAMAN MENDENGAR	MCQ	10	20	10%	- 4-5 Teks. - Pelbagai jenis teks. - Teks dibaca menggunakan Sebutan Baku.
JUMLAH			53	200	100%	

## PANDUAN MENJAWAB KERTAS PEPERIKSAAN PERINGKAT GCE 'N'

### KERTAS 1 (BAHAGIAN A – 20 markah) FORMAT DAN PEMILIHAN SOALAN

- Bahagian A mengandungi dua jenis soalan  
- Surat Kiriman Rasmi  
- Surat Kiriman Tidak Rasmi
- Calon hanya pilih satu soalan untuk menjawabnya.
- Calon harus baca kedua-dua soalan dan pilih soalan yang boleh dijawab dengan baik dan meluas ideanya.
- Calon harus peruntukkan tidak lebih daripada 45 minit untuk menulis soalan ini. Panjang surat tidak harus kurang daripada 80 patah perkataan.

### MENJAWAB SOALAN

- Setelah memilih soalan, garis/bulat kata kunci dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea yang sesuai.
- Dalam setiap soalan bentuk surat, kenal pasti dua perkara yang harus dikupas oleh calon.

### Contoh soalan Surat Kiriman Rasmi

Selaku pengerusi Kelab Kebajikan, kamu ingin mengusulkan kepada pihak sekolah untuk kelab kamu menjalankan Hari Dana bagi mengumpulkan dana bagi mangsa-mangsa Tsunami di Jepun. Tulis sepucuk surat kepada pengetua sekolah untuk menerangkan (i) aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta nyatakan (ii) manfaat-manfaat yang akan diraih oleh para pelajar daripada program tersebut.

### Contoh soalan Surat Kiriman Tidak Rasmi

Baru-baru ini, kamu dan teman-teman sekelas telah terlibat dalam aktiviti mengumpul dana bagi mangsa-mangsa Tsunami di Jepun yang dianjurkan oleh pihak sekolah kamu. Terangkan (i) pengalaman kamu melibatkan diri dalam pengumpulan dana ini serta nyatakan juga (ii) pengajaran-pengajaran yang kamu raih daripada aktiviti ini.

- Dalam contoh kedua-dua soalan di atas, calon harus mengupas kedua-dua perkara tersebut. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya dua isi bagi setiap perkara.
- Pastikan idea/isi yang dikemukakan dapat diuraikan dengan meluas, meyakinkan, mendalam, menarik, kreatif dan imaginatif.
- Setiap idea/isi yang diketengahkan, baiklah disokong dengan contoh-contoh yang relevan agar dapat meyakinkan pembaca.
- Calon harus sentiasa rujuk pada kata kunci dalam soalan agar isi yang diberikan tidak menyelweang. Ini juga dapat mengelakkan calon daripada memberi isi-isi yang tidak logik.

### ASPEK TEKNIKAL/FORMAT

- Alamat pengirim yang tertera di dalam Kertas Soalan adalah untuk digunakan dalam kedua-dua soalan.
- Calon harus prihatin akan penyusunan isi-isi terutama dalam segi pemerenggan. Perlu ada perenggan permulaan, perenggan isi (perkara (i) dan (ii)) dan perenggan penutup.
- Calon perlu menyunting/mengedit isi-isi yang ditulis untuk memastikan ia bebas daripada kesalahan seperti ejaan, kosa kata, imbuan, tanda baca dan struktur ayat. Yang paling penting ialah isi yang dikupas menepati setiap perkara dalam soalan.
- Gunakan penanda wacana seperti namun begitu, lantaran, dalam pada itu, kesimpulannya dan sebagainya untuk mengatikan setiap perenggan agar pembaca dapat melihat kesinambungan penulisan tersebut.

### KERTAS 1 (BAHAGIAN B – 50 markah) FORMAT DAN PEMILIHAN SOALAN

- Bahagian B mengandungi empat soalan dalam tiga jenis berikut:  
- Naratif  
- Deskriptif  
- Ekspositori

Calon hanya pilih satu soalan untuk ditulis.

- Calon harus baca keempat-empat soalan dan pilih soalan yang boleh dijawab dengan baik dan meluas ideanya.
- Calon harus peruntukkan tidak lebih daripada 1 jam 15 minit untuk menulis soalan ini. Panjang cerita tidak harus kurang daripada 200 patah perkataan.

### MENJAWAB SOALAN NARATIF

Contoh soalan Naratif (1):  
Selesaikan perenggan cerita yang berikut:

“Setiap malam ibu akan menatap dan memegang erat potret kakak sulungku. Ini sudah menjadi rutin bagi ibuku setiap malam sejak lima tahun yang lalu. Potret Kak Rita hampir koyak kerana sentiasa dibasahi titisan airmata jernih daripada kelopak mata ibu yang hampir rabun itu. Sebenarnya, Kak Rita...”

### Contoh soalan Naratif (2):

Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan perenggan yang berikut:

“Surat kuning ini beserta dengan sebungkus loket hati akan menjadi bukti bahawa aku ialah anak kepada Tuan Ghaffar dan Puan Aisyah, pemilik syarikat Perabot Jati Anak Watan Sdn. Bhd.”

- Setelah memilih soalan, garis/bulat kata kunci dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea yang sesuai.
- Dalam soalan jenis Naratif, calon perlu beri perhatian pada perkataan ‘selesaikan’ yang bermaksud calon harus memulakan penulisan dengan perenggan tersebut. Rujuk pada contoh soalan naratif 1.
- Perkataan ‘berakhir’ pula bermakna, calon harus mengakhiri penulisan dengan perenggan yang diberikan. Rujuk pada contoh soalan naratif 2.
- Dalam contoh soalan-soalan di atas, calon harus beri keutamaan pada watak-watak yang terdapat dalam soalan, latar cerita dan latar masa. Ini akan membantu calon memikirkan kesesuaian isi cerita yang berkisar pada aspek-aspek tersebut.
- Calon digalakkan menentengahkan idea-idea yang kreatif dan baharu. Selain itu, sisipkan dialog-dialog antara watak-watak untuk menghidupkan cerita. Di samping itu, gunakan frasa-frasa berbunga, peribahasa, simpulan bahasa atau simili untuk memaparkan keindahan bahasa dalam karangan itu.

### MENJAWAB SOALAN DESKRIPTIFF

Contoh soalan Deskriptif:

Kamu serta abang dan kakak telah merancang sebuah kejutan bagi ibu bapa kamu bagi meraikan Hari Perkahwinan mereka yang ke-25 tahun. Terangkan apakah kejutan itu dan bagaimanakah ia dilaksanakan. Gambarkan reaksi ibu bapa kamu itu.

- Setelah memilih soalan, garis/bulat kata kunci dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea yang sesuai.
- Dalam menulis soalan jenis Deskriptif, calon harus berupaya memberikan sebuah gambaran yang jelas tentang sesuatu peristiwa itu. Soalan ini memerlukan calon menggunakan banyak Kata Adjektif, Kata Adverba dan Kata Ganda bagi menguatkan imaginasi dan meyakinkan pembaca.
- Calon harus sentiasa rujuk pada kata kunci dalam soalan agar isi yang diberikan tidak menyelweang. Yang paling penting ialah isi-isi yang diketengahkan menepati soalan yang ditanyakan itu.

### MENJAWAB SOALAN EKSPOSITORI

Contoh soalan Ekspositori:

Jelaskan persiapan-persiapan yang harus dilakukan oleh seorang pelajar sebelum tibanya peperiksaan.

- Setelah memilih soalan, garis/bulat kata kunci dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea yang sesuai.
- Dalam menulis soalan jenis Ekspositori, calon harus berupaya memberikan hujah-hujah yang disokong dengan contoh-contoh yang relevan bagi menguatkan pendirian yang mendasari karangan tersebut.
- Calon yang memilih soalan ini, haruslah mempunyai pengetahuan sedia ada atau fakta-fakta yang akan dikemukakan dalam karangan tersebut. Fakta-fakta (aspek isi) ialah sesuatu maklumat yang didapati daripada pembacaan dan pengetahuan calon. Sekiranya calon mempunyai pengetahuan yang cetek dalam menentengahkan hujah-hujahnya, maka calon akan gagal dalam menyampaikan isi-isi tersebut.

### ASPEK TEKNIKAL/FORMAT

- Calon harus prihatin akan penyusunan isi-isi terutama dalam segi pemerenggan. Perlu ada perenggan permulaan, perenggan isi dan perenggan penutup.
- Calon juga harus berupaya mengolah cerita agar idea/isi itu mantap dan padat.

### Jenis Naratif

- Maklumat Latar
- Watak dan Perwatakan
- Konflik/Klimaks
- Peleraian

### Jenis Ekspositori

- Sudut Pandangan (Beri sekurang-kurangnya empat isi)
- Hujahan
- Rumusan (tekankan pendirian penulis)

### Jenis Deskriptif

- Maklumat Latar
- Gambaran/Penerangan
- Penutup

- Calon harus menyunting/mengedit isi-isi yang ditulis untuk memastikan ia bebas daripada kesalahan seperti ejaan, kosa kata, imbuan, tanda baca dan struktur ayat. Pastikan penggunaan laras bahasa yang sesuai dan tepat.

### KERTAS 2 (BAHAGIAN A – 25 markah)

- Dalam Bahagian A, terdapat tiga komponen bahasa yang diuji.

Soalan A1 – Imbuan (10 markah)  
A2 – Peribahasa (5 markah)  
A3 – Melengkapkan Teks (10 markah)

### SOALAN A1 (IMBUHAN) (10 markah)

- Calon akan diberi 10 kata dasar untuk diimbuhkan imbuan dari segi awalan, apitan dan akhiran.

### Contoh soalan Imbuan:

Baru-baru ini, syarikat Encik Mazlan telah terjejas akibat kegawatan ekonomi. Oleh itu, pihak lembaga telah meminta Encik Mazlan, selaku (1) urus kewangan syarikat, untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil bagi (2) pantau keadaan kewangan syarikat.

(3) Bentuk jawatankuasa ini akan menyemak semula semua prosedur kewangan. Encik Mazlan juga telah (4) ubah suai cara syarikatnya

menjalankan perniagaan agar kewangan syarikat masih kukuh. Beliau berpendapat bahawa (5) duduk kewangan yang stabil tidak akan (6) bahaya syarikat jika mereka berhati-hati dalam perniagaan mereka. Selain itu (7) bagai cara yang diusulkan beliau kepada pihak syarikat agar para pekerja tidak dibuang kerja. (8) Prihatin Encik Mazlan amat (9) terima baik oleh para pekerja kerana mereka diberi (10) jamin bahawa mereka masih boleh meneruskan kerja mereka di syarikat itu. Lantaran itu, pihak syarikat amat berterima kasih kepada Encik Mazlan kerana para pekerja masih yakin akan kestabilan syarikat walaupun menghadapi kegawatan ekonomi.

### JAWAPAN

- pengurus
- menantau
- Pembentukan
- mengubah suai
- kedudukan
- membahayakan
- pelbagai
- Keprihatinan
- diterima baik
- jaminan

- Calon perlu berikan perhatian pada kesalahan-kesalahan imbuhan yang sering kali dilakukan.

### Contoh:

BETUL	SALAH
Pembentukan (pem- ...-an)	Pembentukan (pem- ...-kan)
mengubah suai	mengubahsuai
(ditulis jarak kerana imbuan awalan)	(ditulis dekat)
kedudukan (ke- ...-an)	kedudukan (ke- ...-kan)
membahayakan (mem-)	merbahayakan (mer-)
pelbagai	berbagai-bagai
(kata dasar yang diberikan ialah ‘bagai’)	(kata dasar yang diberikan haruslah ‘bagai-bagai’)

### SOALAN A2 (PERIBAHASA) (5 markah)

- Calon akan diberikan 5 makna peribahasa untuk dipadankan dengan peribahasanya. Peribahasa yang diuji adalah daripada senarai Menengah Satu hingga Menengah Empat.
- Kemudiannya, calon pilih peribahasa yang sesuai dengan makna peribahasa yang telah digaris.

Contoh soalan Peribahasa (Kertas Latihan Peperiksaan Mendaki GCE 'N' 2010)

- (A) garam jatuh di air  
(B) hujan jatuh ke pasir  
(C) ringan tulang, berat perut  
(D) pipit pekak makan berhujan  
(E) sebab buah dikenal pohonnya  
(F) kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan  
(G) bodoh-bodoh sepat, tiada makan pancing emas  
(H) belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam  
(I) kuat ketam kerana sepi, kuat burung kerana sayap  
(J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya

Puan Siti merenung tetapi ke wajah anak bungsunya, Alesha. Dia tahu, menerusi (11) tutur kata dan perlakuan anaknya itu, ada tersimpul beberapa kehendak walaupun Alesha tidak menyatakan sesuatu pun kepadanya. Puan Siti sedar kebolehan anaknya itu tidak seperti anak-anaknya yang lain. Mereka berjaya dalam pelajaran kerana mereka (12) sangat cepat menerima dan mudah memahami pengajaran yang diberikan oleh guru-guru dan, kini telah menjawab jawatan tinggi. Namun, Puan Siti tidak pernah membeza-bezakan semua anaknya. Baginya, (13) setiap orang mempunyai kekuatan dan kelebihan masing-masing begitu juga Alesha.

Sememangnya, dia akur bahawa Alesha lemah dalam bidang akademik dan bakal menduduki peperiksaan peringkat GCE 'N', tidak seharusnya menjadi jaga ukur kepada kemampuannya yang sebenar. Puan Siti terus-menerus memberi semangat dan dorongan kepada Alesha kerana dia percaya, (14) seseorang yang bodoh sekalipun, jika diajar betul-betul akan menjadi pandai. Puan Siti turut menasihati Alesha supaya jangan putus asa dan perlu yakin bahawa (15) tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih. Alesha berjanji kepada ibunya untuk melakukan yang terbaik dan berazam untuk melangkah ke menara gading seperti abang dan kakaknya.

### JAWAPAN:

- tutur kata dan perlakuan anaknya itu, ada tersimpul beberapa kehendak (F) kilat di dalam kilau, kabus di dalam hujan
- sangat cepat menerima dan mudah memahami pengajaran yang diberikan oleh guru-guru (A) hujan jatuh ke pasir
- setiap orang mempunyai kekuatan dan kelebihan masing-masing (I) kuat ketam kerana sepi, kuat burung kerana sayap
- seseorang yang bodoh sekalipun, jika diajar betul-betul akan menjadi pandai (H) belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam
- tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih (J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya

### SOALAN A3 (MELENGKAPKAN TEKS) (10 markah)

- Calon akan diberikan 10 tempat kosong untuk diisi dengan perkataan yang paling sesuai daripada 15 penda yang telah diberikan itu.
- Calon harus terlebih dahulu membaca dan memahami teks.

### Contoh Soalan Melengkapkan Teks:

(Kertas Latihan Peperiksaan Mendaki GCE 'N' 2010)

hal	malah	berbakti
boleh	paling	tertentu
dalam	berserta	membawa
untuk	dibalas	membesarkan
yang	setelah	menyelesaikan

Dalam aspek hubungan manusia, ibu dan ayah kita menduduki tempat yang (16) \_\_\_ istimewa. Jasa dan pengorbanan mereka mendidik dan (17) \_\_\_ kita amat berharga dan sukar (18) \_\_\_. Namun demikian, seorang anak itu mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk (19) \_\_\_ dan berkhidmat kepada kedua-dua ibu bapa ketika mereka dalam keadaan sihat, sakit, ataupun (20) \_\_\_ mereka meninggal dunia.

Tanggungjawab seorang anak kepada ibu bapanya adalah untuk membantu mereka (21) \_\_\_ masalah hidup mereka jika mereka dalam keadaan yang miskin dan susah dengan memberi sumbangan wang yang (22) \_\_\_ untuk mengembirakan kedua-duanya. Seseorang anak juga berkewajipan berinteraksi dengan kedua-dua ibu bapanya dengan lemah-lembut (23) \_\_\_ tutur kata yang sopan dan tidak menyakitkan hati mereka. Sikap seorang anak harus sentiasa mengalah kepada ibu bapanya (24) \_\_\_ urusan rumahtangga.

Kewajipan anak-anak pula bukan sahaja ketika mereka masih hidup (25) \_\_\_ setelah ibu bapanya meninggal dunia. Mereka masih berperanan untuk mendoakan ibu bapa mereka.

### JAWAPAN

- paling
- membesarkan
- dibalas
- berbakti
- setelah
- menyelesaikan
- tertentu
- berserta
- dalam
- setelah

- Calon digalakkan menggolongkan perkataan-perkataan tersebut mengikut golongan kata iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas. Ini dapat membantu calon memilih jawapan yang paling sesuai dengan petikan.

KATA NAMA	KATA KERJA	KATA ADJEKTIF	KATA TUGAS
hal	berbakti	tertentu	malah
	membawa	dalam	boleh
	membesarkan		paling
	menyelesaikan		untuk
	berserta		yang
	dibalas		setelah

- Calon juga harus melihat setiap ayat yang diberikan tempat kosong kerana daripada ayat tersebut kadang kala ia akan memberikan petunjuk bagi jawapan yang paling sesuai.

### Contoh soalan:

(i) Jasa dan pengorbanan mereka mendidik dan (17) \_\_\_ kita amat berharga ... (Petunjuk: mendidik) sama imbuan ‘meN-’ (Jawapan: membesarkan)

(ii) ... tanggungjawab untuk (19) \_\_\_ dan berkhidmat kepada ... (Petunjuk: berkhidmat) sama imbuan ‘be-’ (Jawapan: berbakti)

(iii) ... dengan lemah-lembut (23) \_\_\_ tutur kata yang sopan dan tidak menyakitkan hati mereka. Petunjuk: dengan, dan (kata hubung) Jawapan : beserta

### KERTAS 2 (BAHAGIAN B – 10 markah)

Bahagian B - Kefahaman Objektif yang berbentuk MCQ.

- Calon digalakkan membaca soalan-soalan terlebih dahulu dan pada masa yang sama menggariskan kata-kata kunci. Dengan cara ini, calon akan dapat menjangkakan intipati teks yang akan dibaca.

- Kemudiannya, calon akan membaca dan perlu memahami teks. Kata-kata kunci yang digaris akan digunakan untuk memadankan perkataan-perkataan tersebut yang terdapat dalam petikan. Ini akan membantu calon mendapatkan jawapan yang sesuai dengan soalan.

- Setelah itu, lihat pada keempat-empat pilihan jawapan A, B, C atau D dan lakukan proses eliminasi. Contohnya, pilihan A dan C tidak tepat, hanya tinggal pilihan B dan D. Padankan jawapan pada perenggan yang telah digaris kata kuncinya dan pilih jawapan sama ada sesuai dengan B atau D.

### Contoh Soalan Kefahaman Objektif:

Petikan (Kertas Latihan Peperiksaan Mendaki GCE 'N' 2010)

Arahan: Baca dengan teliti petikan karangan yang berikut.

Ibu bapa berkelahi hampir setiap hari, daripada soal kewangan hinggalah beban menguruskan rumah tangga mahupun kerjaya. Akibatnya, mereka cepat melenting dan marah manakala anak-anak pula tidak berdaya dan melihat sahaja rumah tangga yang berantakan.

Keadaan ini bukan drama televisyen namun hakikat kehidupan hidup sehari-hari apabila seseorang keluarga tidak dapat mengawal perasaan sehingga menjejaskan kehidupan mereka. Jika keadaan tidak sihat dalam sesebuah rumah tangga ini berterusan, anak-anak yang masih bersekolah menganggap ‘marah-marah’ lumrah dalam hidup ini untuk mengatasi sesuatu masalah. Tanpa disedari, anak-anak menjadi pemarah. Tindak-tanduk ibu bapa seperti ini tidak sihat untuk diteruskan seperti kata pepatah Melayu: ikut rasa binasa, ikut hati mati, memang sesuatu apabila dimbas kembali, Adakah dengan cara mengikutkan perasaan marah dapat menyelesaikan sesuatu masalah?

Menerusi kajian yang dijalankan, seseorang yang tidak dapat menahan tekanan hidup, dengan sendirinya hormon tekanan, degupan jantung dan tekanan darahnya akan menjadi tinggi. Risiko yang dihadapi termasuk sakit jantung, darah tinggi, semput, bisul, kegemukan, jangkitan kuman, risau, kemurungan dan masalah memori. Jika keadaan ini berterusan, tentunya akan memudaratkan badan dan minda orang itu. Tanda-tandanya pula seperti otot-ototnya tegang, tulang belakang, leher dan bahu sering sakit, ketegangan yang berterusan di bahagian mata, sakit kepala yang berulang, jantung berdegup kencang, mual, gastrik, hilang daya tumpuan dan sukar untuk tidur. Dari segi emosi, seseorang sentiasa berasa gelisah, resah yang berpanjangan, panas baran, rendah diri, sering berkhayal, murung, kerap menangis dan mudah terguris atau tersentuh.

Dalam pergaulan sosial pula, seseorang memilih untuk menyendiri, berhenti untuk melakukan kegiatan yang digemarinya, sukar untuk membuat keputusan dan tidak mementingkan penampilan diri. Jika dia bekerja, prestasinya akan menurun dan mutu pekerjaannya akan terjejas.

Sememangnya, tekanan keluarga terutama yang dialami ibu bapa akan mempengaruhi kehidupan anak-anak yang masih bersekolah. Masalah keluarga akan dilalui oleh anak-anak seperti tidak dapat menghadiri pelajaran, mengabaikan tugas atau projek. Selain itu, kegiatan kokurikulum, ujian dan hubungan dengan guru turut terjejas. Kadangkala, keadaan dirumitkan lagi dengan desakan kawan dan masalah pergaulan dunia remaja serta cinta antara remaja lelaki dengan perempuan.

Untuk mengurangkan ‘marah’ akibat tekanan hidup, ibu bapa perlu menanganinya dengan sebaik mungkin. Antaranya, dengan mengamalkan gaya hidup dan pemakanan yang sihat, bersolat, bersemen bersama keluarga dan sentiasa berfikir positif.

### Contoh soalan:

(1) Pertengkaran antara ibu bapa boleh menjejaskan anak-anak sehingga mereka \_\_\_\_\_.

- A cepat melenting dan marah-marah dengan ibu bapa mereka  
B memantau keadaan rumah tangga keluarga yang kucar-kacir  
C memikirkan soal kewangan, beban rumah tangga dan kerjaya  
D tidak berupaya dan sekadar melihat sahaja keadaan yang berlaku

### Proses Eliminasi:

Pilihan B dan C tidak tepat kerana tidak terdapat kenyataannya dalam perenggan 1. Kenyataan pilihan A (cepat melenting dan marah-marah) dan pilihan D (tidak berupaya dan melihat sahaja) ada dalam perenggan 1. Antara kedua-dua ini, yang paling tepat ialah pilihan D.

### KERTAS 2 (BAHAGIAN C – 25 markah)

Bahagian C - Kefahaman Subjektif

- Calon akan didedahkan kepada pelbagai jenis soalan dari tahap rendah hingga ke tahap tinggi.
- Calon perlu baca dan fahami soalan dan lihat juga pemberatan markah. Bagi soalan yang markahnya (4) dan (6), calon perlu memberikan dua jawapan.
- Selalunya, soalan yang memerlukan dua jawapan, akan dinyatakan dalam soalan dengan terperinci.

### Contoh Soalan Kefahaman Subjektif

Petikan (Kertas Latihan Peperiksaan Mendaki GCE 'N' 2010)

Arahan: Baca dengan teliti petikan karangan yang berikut.

Bandar baru itu agak kecoh bercampur ria apabila masjid baharu siap dibina. Sudah lama penduduk estet perumahan baru ini menantikan hari bersejarah itu. Dua tahun masa pembinaannya. Masjid berkarat biru yang menelan belanjanya 85 juta itu akan dirasmikan oleh seorang menteri pada minggu depan. Hari Ahad. Mulai hari ini, para penduduk sudah boleh menggunakan masjid baharu itu. Sebelum itu mereka bersekolah di surau. Untuk bersolat Jumaat, 5 mereka pergi ke masjid di setiap perumahan yang berdekatan, bagi yang tidak bekerja. Yang bekerja, bersolat di masjid berdekatan tempat kerja mereka.

Pak Imam masih di surau itu, suaranya kecil. Sudah hampir 30 tahun dia menjadi imam di surau itu. Di surau itu juga dia menganjurkan kelas-kelas agama. Dia mengajar penduduk di situ apa yang perlu mereka tahu tentang agama Islam. Dia juga mengajar kanak-kanak mengaji. 10 Sekali-sekala dijemput ustaz dari tempat lain memberi syarahan. Ustaz tempatan. Dia tidak mampu membawa ustaz dari luar negara.

“Pak Imam rugit tadi.”

“Rugit?”

“Ya, tadi ramai orang di masjid. Kita dirikan solat berjemaah yang pertama di masjid itu.” 15

“Alhamdulillah!”

“Pak Imam harus tengok tadi. Bersaf-saf orang sembahyang. Semua berebut untuk ke saf pertama. Jawatankuasa masjid semua di saf pertama. Permaidannya tebal dan lembut. Ada alat penghawa dingin.” 20

“Kau sudah beritahu tadi.”

“Bukan alat penghawa dingin sahaja Pak Imam, ada television, ada kamera.”

“Kamera? Hendak ambil gambar siapa?”

“Kamera keselamatan. Banyak barang berharga dalam masjid. Ada komputer, ada jam besar, ada lampu besar, banyak tabung, banyak kipas...” 25

“Sudah ada alat penghawa dingin pun ada kipas?” Dalam masjid tidak selamat sampai gunakan kamera?”

“Siapalah tahu kalau alat penghawa dingin rosak. Barang mahal-mahal di masjid, siapa tahu kalau orang curi. Kamera itu perlu. Mengapa Pak Imam tidak mohon jadi imam masjid baru itu?”

“Aku rasa aku tidak layak. Aku sudah tua, hendak masuk 70 tahun. Biarlah orang muda yang menjadi imam. Mereka lebih layak, ada kelulusan. Aku ni imam kampung saja.” 30

“Janglah merendah diri sangat Pak Imam. Pak Imam sendiri yang mengajar kami supaya tahab dan kuat menempuh hidup. Banyak yang saya rasa Pak Imam boleh beri tunjuk ajar kepada imam masjid baharu itu. Boleh berkongsi pengalaman dan ilmu dengan imam muda.” 34

“Aku tidak pandai cakap orang putih. Khutbah Jumaat sekarang bukanlah ada dalam bahasa orang putih.”

Benar kata Pak Imam. Pak cik sebelah rumah aka minggu lalu tidak bersembahyang di masjid berdekatan kerana katanya khutbah dalam bahasa Inggeris. Dia sanggup menaiki bas untuk ke estet perumahan lain. Dia kata dia tidak akan meninggalkan solat Jumaat selagi terdaya tetapi dia ingin mendengar khutbahnya. 40

### Contoh soalan:

(1) Nyatakan dua ciri yang berkaitan dengan para Pak Imam. Beri bukti-bukti bagi menyokong jawapan kamu itu. (6 markah)

### Jawapan:

Pak Imam seorang yang rendah diri. Buktiinya ialah beliau beranggapan yang dia tidak layak kerana sudah tua dan hanya imam kampung berbanding dengan imam masjid baharu yang muda dan ada kelulusan. Pak Imam juga seorang yang arif dalam bidang agama. Buktiinya ialah beliau menganjurkan kelas-kelas agama, mengajar penduduk tentang agama Islam dan mengajar kanak-kanak mengaji.

(2) Pada pendapat kamu, mengapa Pak Imam tidak mahu mohon bertugas sebagai imam di masjid baharu? Beri dua sebab bagi menyokong jawapan kamu itu.

### Jawapan:

Sebab yang pertama ialah Pak Imam akui akan kekurangan pada dirinya. Ini kerana imam di masjid baharu itu menggunakan bahasa Inggeris untuk menyampaikan khutbah walhal beliau tidak boleh berbahasa Inggeris. Sebab yang kedua ialah Pak Imam terkejut dengan kebolehan imam baharu. Ini kerana imam-imam muda itu berkelulusan dan berkelebihan tinggi berbanding dengan beliau.

• Bagi soalan memberikan makna perkataan, calon boleh menerangkan perkataan tersebut tidak lebih daripada 10 patah perkataan atau satu perkataan sahaja.</